

Najib mahu isytihar tuduhan SRC cacat

KUALA LUMPUR 9 April - Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memfailkan notis usul bagi mengisytiharkan tujuh pertuduhan berhubung penyelewengan dana syarikat SRC International Sdn. Bhd. berjumlah RM42 juta yang dihadapinya adalah cacat.

Tujuh pertuduhan berkenaan adalah melibatkan tiga pertuduhan pecah amanah, satu pertuduhan salah guna kedudukan dan tiga pertuduhan pengubahan wang haram.

Selain memohon pengisytiharan agar pertuduhan itu cacat dan penyalahgunaan proses mahkamah, ahli Parlimen Pekan turut memohon supaya tujuh pertuduhan yang dikenakan terhadapnya itu, digantung atau dibatalkan.

Timbalan Pendakwa Raya, Budiman Lutfi Mohamed ketika ditemui pemberita selepas pengurusan kes di hadapan Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi, Mahyudin Mohamad Som berkata, pihak pendakwaan telah menerima notis usul dan affidavit per-

mohonan yang difailkan Najib pada 3 April lalu, hari ini.

"Pihak pendakwaan akan memfailkan affidavit, balasan pada 15 April ini dan pembelaan pada 19 April. Kedua-dua pihak juga perlu memfailkan hujahan masing-masing pada 22 April. Pendengaran notis ini masih belum ditetapkan," katanya.


Turut hadir pada prosiding hari ini ialah peguam, Muhammad Farhan Muhammad Shafee yang mewakili Najib.

Pada hari pertama perbicaraan SRC International pada 3 April lalu, peguam Tan Sri Muham-

mad Shafee yang mewakili Najib, memberitahu Mahkamah Tinggi di sini bahawa pihaknya memfailkan notis usul bagi mencabar pertuduhan itu.

Najib, 66, didakwa pada 4 Julai dan 8 Ogos 2018 tahun lalu atas tiga tuduhan pecah amanah, satu tuduhan salah guna kuasa dan tiga tuduhan pengubahan wang haram membabitkan dana SRC International berjumlah RM42 juta.

Perbicaraan kes itu akan bersambung pada 15 April ini.



NAJIB TUN RAZAK